

**AGRO  
BANK****SOALAN-SOALAN LAZIM  
AGRO-YES 2.0**

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Agro-YES 2.0?	<p>Program Agro-YES 2.0 merupakan satu program yang menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan yang ditawarkan di bawah program Dana Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) khususnya kepada sektor usahawan muda. Jenis perniagaan yang tersenarai di bawah program ini iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengeluaran tanaman (kecuali padi, beras dan komoditi seperti getah, kelapa sawit, tembakau, berkaitan kayu, koko, kenaf dan lada)</li><li>• Perikanan;</li><li>• Ternakan termasuk pembiakan kecuali haiwan yang dilindungi di bawah akta hidupan liar, haiwan terancam, haiwan liar dan haiwan eksotik ;</li><li>• Pengeluaran produk industri makanan;</li><li>• Pemasaran (peruncitan atau pemborong hasil pertanian);</li><li>• Perkhidmatan dan input sokongan pertanian ;</li><li>• Pelancongan agro.</li></ul>
2.	Apakah objektif Program Agro-YES 2.0?	<p>Program ini bertujuan untuk menyokong agenda yang dihasratkan iaitu memperkasakan pengeluaran makanan negara bagi menjamin kelestarian bekalan makanan pada masa hadapan.</p>
3.	Siapakah yang layak memohon pembiayaan di bawah program ini?	<ul style="list-style-type: none"><li>• Entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada Sendirian Berhad, Pemilik Tunggal, Perkongsian / Perkongsian Liabiliti Terhad (LLP) dengan sekurang-kurangnya 51% saham dipegang dan dikawal sepenuhnya oleh warganegara Malaysia</li></ul> <p><b>Tidak termasuk:</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>a. Entiti yang tersenarai awam di Papan Utama; dan</li><li>b. Anak syarikat:<ul style="list-style-type: none"><li>• Syarikat Tersenarai Awam di Papan Utama;</li><li>• Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);</li><li>• Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD);</li><li>• Perusahaan Milik Negara</li></ul></li></ol> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pemilik/rakan kongsi/pengarah/pemegang saham) mestilah berumur antara 18 – 40 tahun semasa permohonan atau 1 (satu) daripada rakan kongsi/pengarah berumur antara 18 – 40 tahun semasa permohonan;</li><li>• Perniagaan mesti beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh permohonan;</li><li>• Bukan individu dengan penglibatan kurang daripada 12 bulan dalam bidang pertanian layak di bawah program ini melalui model ladang kontrak dengan penglibatan syarikat peneraju</li><li>• Individu dengan penglibatan kurang daripada 12 bulan dalam bidang pertanian perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) supaya layak mendapat pembiayaan di bawah model pertanian kontrak dengan syarikat peneraju yang terlibat (jika berkenaan).</li></ul>



**AGRO  
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
AGRO-YES 2.0**

No.	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti perniagaan mestilah patuh Syariah.</li> <li>• Syarikat/penjamin korporat tidak diisytiharkan sebagai digulung/dibubarkan/di bawah pengurus dan penerima /penjamin individu bukan bankrap dan tiada tindakan undang-undang berterusan yang membenarkan penggulangan/muflis.</li> </ul>
4.	Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Permohonan pembiayaan, dinasihatkan boleh dibuat di mana-mana cawangan Agrobank berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
5.	Apakah skop pembiayaan di bawah Agro-YES 2.0?	Membayai CAPEX dan OPEX di sepanjang rantaian nilai agromakanan.
6.	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan di bawah program ini?	<p><b>Pembiayaan Berjangka-i</b> : Sehingga 102 bulan termasuk 6 bulan Moratorium yang diberikan.</p> <p><b>Modal Kerja-i</b> : Tertakluk kepada tempoh pembiayaan produk.</p>
7.	Berapakah had pembiayaan yang boleh dimohon? <small>*Tertakluk pada terma dan syarat</small>	RM50,000 (Minimum) sehingga RM500,000* (Maksimum) (Setiap Permohonan)
8.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan?	<p><b>Pembiayaan Berjangka-i</b> : Untuk menyediakan perbelanjaan modal tetapi tidak terhad kepada pembelian peralatan teknologi dan pemerolehan bahan untuk industri terlibat.</p> <p><b>Modal Kerja-i</b> : Untuk menyediakan perbelanjaan operasi tetapi tidak terhad kepada kos untuk pembelian benih, baja, penyelenggaraan dan system utiliti, gaji pekerja, overhead cost dan lain-lain yang berkaitan dengan operasi ladang.</p>
9.	Berapakah kadar keuntungan (kadar keuntungan efektif) dikenakan kepada pelanggan? <small>*Tertakluk pada terma dan syarat</small>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pembiayaan Berjangka-i</b></li> <li>0%* untuk 6* bulan pertama (moratorium)</li> <li>3.0%* setahun selepas itu sehingga tamat tempoh</li> <li>• <b>Modal Kerja-i</b></li> <li>3.0%* setahun ke atas baki pembiayaan.</li> </ul>
10.	Bagaimanakah wang pembiayaan akan dikeluarkan?	<p><b>OPEX</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tunggakan ditetapkan/dibayar pada masa pengeluaran pembiayaan. Tunggakan yang ditetapkan/dibayar mesti disokong dengan bukti/resit pembayaran.</li> <li>• Pengeluaran akan menggunakan notis penggunaan hanya terus ke akaun pelanggan dengan bank serta yang mana berkaitan, pembayaran akan dibuat kepada pembekal selepas pembentangan bukti dokumentari yang boleh diterima oleh Bank.</li> </ul> <p><b>CAPEX</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan akan disalurkan selepas pemohon mengemukakan bukti dokumentari yang boleh diterima oleh pihak Bank.</li> </ul>



**AGRO  
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM  
AGRO-YES 2.0**

No.	Soalan	Jawapan
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeluaran progresif berdasarkan peratusan siap dan dilampirkan sekali dengan laporan lawatan tapak.</li> <li>• Pembayaran kemudahan dibenarkan tertakluk kepada bukti pembayaran seperti invois, resit, penyata bank yang diterima oleh pihak Bank.</li> <li>• Tunggakan ditetapkan/dibayar pada masa pengeluaran pembiayaan. Tunggakan yang ditetapkan/dibayar mesti disokong dengan bukti/ resit pembayaran.</li> </ul>
11.	Berapakan margin pembiayaan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk CAPEX, 90% adalah daripada jumlah kos. Kos lain yang berkaitan contohnya Takaful, Duti Setem dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pelanggan.</li> <li>• 5% untuk Takaful, duti setem, yuran guaman dan yuran jaminan tahun pertama.</li> </ul>
12.	Apakah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan?	<p><b>Untuk Sendirian Berhad</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Akaun beraudit tidak melebihi dua puluh satu (21) bulan dari tarikh permohonan; dan</li> <li>• Akaun pengurusan tidak melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh permohonan; atau</li> <li>• Penyata bank 6 bulan terkini dari tarikh permohonan pembiayaan (2 bulan dari tarikh permohonan pembiayaan boleh diterima).</li> </ul> <p><b>Untuk Pemilik Tunggal / Perkongsian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyata Bank 6 bulan terkini dari tarikh permohonan pembiayaan (2 bulan dari tarikh permohonan pembiayaan boleh diterima); dan</li> <li>• Akaun pengurusan tidak melebihi sembilan (9) bulan dari tarikh permohonan; atau</li> <li>• Penyerahan cukai (Borang B/Borang J)</li> </ul>
13.	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	<p>Secara ansuran bulanan melalui mana-mana saluran berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Arahan tetap (SI);</li> <li>• Deposit tunai (CDM);</li> <li>• Pemindahan atas talian (automated teller machine (ATM) atau melalui perbankan internet);</li> <li>• Melalui kaunter mana-mana cawangan agrobank.</li> </ul>
14	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;</li> <li>• Layari laman sesawang rasmi Agrobank <a href="http://www.agrobank.com.my">www.agrobank.com.my</a> ;</li> <li>• Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;</li> <li>• Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, Twitter.</li> </ul>